# PROSEDUR

## Pengeluaran Lesen Untuk Mengendalikan Mesin Jual Air Bagi Maksud Perdagangan atau Perniagaan

Hakcipta@2013
Kementerian Kesihatan Malaysia

## SENARAI KANDUNGAN


| BIL | PERKARA | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| 1. | Tujuan Prosedur | 1 |
| 2. | Skop | 1 |
| 3. | Definisi | 1 |
| 4. | Undang-undang Berkaitan dan Kuasa | 2 |
| 5. | Anggota yang terlibat | 3 |
| 6. | Singkatan yang digunakan | 3 |
| 7. | Carta Alir Permohonan Baru dan Pembaharuan | 5 |
| 8. | Proses Kerja | 7 |
| | 8.1 Permohonan Baru dan Pembaharuan | 7 |
| | 8.2 Tindakan Penggantungan/ Pembatalan | 11 |
| 9. | Senarai Borang dan Lampiran | 15 |
| 10. | Rujukan | 35 |
| 11. | Penghargaan | 36 |

## 1. TUJUAN PROSEDUR

Tujuan prosedur ini adalah untuk menjelaskan tatacara proses kerja pengurusan lesen untuk mengendalikan mesin jual air.

## 2. SKOP

Prosedur ini hendaklah digunapakai oleh pegawai di Ibu Pejabat BKKM, pegawai di Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) dan juga di Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) dalam memproses permohonan, membuat verifikasi, menjalankan aktiviti pensampelan dan peringkat kelulusan lesen untuk mengendalikan mesin jual air.

## 3. DEFINISI

Bagi tujuan Prosedur Pengurusan Pengeluaran Lesen Untuk Mengendalikan Mesin Jual Air, definisi berikut adalah terpakai :

**3.1 Pengarah**
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Kementerian Kesihatan Malaysia.

**3.2 KKM**
Kementerian Kesihatan Malaysia

**3.3 BKKM**
Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan

**3.4 JKN**
Jabatan Kesihatan Negeri

**3.5 PKD**
Pejabat Kesihatan Daerah

**3.6 Manual Sistem Kawalan Keselamatan Bagi Mesin Jual Air**
Dokumen yang menjelaskan aktiviti pelaksanaan kawalan keselamatan bagi setiap mesin jual air.

**3.7 Verifikasi Mesin Jual Air**
Verifikasi yang melibatkan aktiviti audit dan pemeriksaan berasaskan bukti yang dilakukan di lapangan secara bebas dan sistematik, dilakukan oleh anggota terlatih, bagi mengenalpasti kepatuhan terhadap elemen dan aktiviti keselamatan makanan berdasarkan keperluan Akta Makanan 1983, Peraturan-Peraturan Makanan 1985 dan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009.

**3.8 Makmal diluluskan**
Makmal yang diluluskan oleh Menteri di bawah Seksyen 3A, Akta Makanan 1983 iaitu Jabatan Kimia Malaysia dan Agensi Nuklear Malaysia.

**3.9 Ketidakpatuhan**

Aktiviti yang dijalankan tidak mematuhi atau mengikut prosedur yang sedia ada

**3.10 Arahan Tindakan Pembetulan *(Corrective Action Request)***

Ketidakpatuhan yang didokumenkan oleh pegawai pemeriksa dan memerlukan tindakan pembetulan oleh pemohon

**3.11 Pensampelan**

Pensampelan yang dijalankan oleh pegawai berkuasa Akta Makanan 1983, Kementerian Kesihatan Malaysia ke atas air dari mesin jual air milik pemohon untuk tujuan kelulusan lesen, pemantauan KKM atau pada bila-bila masa mengikut keperluan.

**3.12 Pensampelan pemantauan sendiri**

Pensampelan yang dijalankan oleh pemegang lesen bagi tujuan pemantauan sendiri.

## 4. UNDANG-UNDANG BERKAITAN DAN KUASA

**4.1 Akta Makanan 1983:**

| | | |
|---|---|---|
| Sek. 3(2) | - | Lantikan Pegawai Diberi Kuasa oleh Menteri |
| Sek. 4(1)(a) | - | Kuasa Memasuki Premis |
| Sek. 4(1)(d) | - | Kuasa Pemeriksaan Dokumen |
| Sek. 4(1)(e) | - | Kuasa Pemeriksaan Dokumen Pengenalan Diri |
| Sek. 4(1)(f) | - | Kuasa Menyita dan Menahan Jenis Makanan atau Perkakas |
| Sek. 8(1) | - | Kuasa Meminta Maklumat |
| Sek. 10 | - | Perintah Membersih Premis/Perkakas |

**4.2 Peraturan- Peraturan Makanan 1985:**

| | | |
|---|---|---|
| Per. 360C | - | Air dari mesin jual air |

**4.3 Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009:**

| | | |
|---|---|---|
| Bab 6: Per.53 | - | Pemasangan mesin jual makanan atau mesin jual air |
| Bab 6: Per.55 | - | Mesin jual air |

## 5. ANGGOTA YANG TERLIBAT

### 5.1 Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia:

5.1.1 Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
5.1.2 Pengarah Kanan Bahagian
5.1.3 Pengarah Bahagian
5.1.4 Timbalan Pengarah
5.1.5 Pegawai Teknologi Makanan
5.1.6 Pegawai Kesihatan Persekitaran
5.1.7 Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran
5.1.8 Penolong Pegawai Teknologi Makanan

### 5.2 Jabatan Kesihatan Negeri:

5.2.1 Pengarah Kesihatan Negeri
5.2.2 Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Keselamatan dan Kualiti Makanan)
5.2.3 Pegawai Teknologi Makanan
5.2.4 Pegawai Kesihatan Persekitaran
5.2.5 Ketua Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran
5.2.6 Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Kanan
5.2.7 Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran
5.2.8 Penolong Pegawai Teknologi Makanan

### 5.3 Pejabat Kesihatan Daerah:

5.3.1 Pegawai Kesihatan Daerah
5.3.2 Pegawai Teknologi Makanan
5.3.3 Pegawai Kesihatan Persekitaran
5.3.4 Ketua Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran
5.3.5 Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Kanan
5.3.6 Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran
5.3.7 Penolong Pegawai Teknologi Makanan

## 6. SINGKATAN YANG DIGUNAKAN

| | | |
|---|---|---|
| KKM | : | Kementerian Kesihatan Malaysia |
| BKKM | : | Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan |
| JKN | : | Jabatan Kesihatan Negeri |
| PKD | : | Pejabat Kesihatan Daerah |
| KPK | : | Ketua Pengarah Kesihatan |
| TKPK (KA) | : | Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) |
| PKKKM | : | Pengarah Kanan Bahagian Keselamatan & Kualiti Makanan |
| PBPPI | : | Pengarah Bahagian Pematuhan dan Pembangunan Industri |
| PKN | : | Pengarah Kesihatan Negeri |
| TPKN (KKM) | : | Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Keselamatan dan |

| | | |
|---|---|---|
| | | Kualiti Makanan) |
| PK | : | Pegawai Kesihatan Daerah |
| PTM | : | Pegawai Teknologi Makanan |
| PKP | : | Pegawai Kesihatan Persekitaran |
| KPPKP | : | Ketua Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran |
| PPKPK | : | Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Kanan |
| PPKP | : | Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran |
| PPTM | : | Penolong Pegawai Teknologi Makanan |
| PT | : | Pembantu Tadbir |

## 7. CARTA ALIR PERMOHONAN BARU DAN PEMBAHARUAN LESEN UNTUK MENGENDALIKAN MESIN JUAL AIR DI PERINGKAT PEJABAT KESIHATAN DAERAH/JABATAN KESIHATAN NEGERI




| Tempoh | Pihak | Tindakan |
|---|---|---|
| | **Pemohon** | **Pemohon sediakan :**<br>(i) Senarai Semak Permohonan MJA 1/13<br>(ii) Borang Permohonan Pelesenan MJA -2/13<br>(iii) Dokumen Sokongan |
| 1 hari | **PKD** | Semak kecukupan dokumen permohonan. |
| | **PKD** | Urus verifikasi mesin jual air. |
| 5 hari | **PKD** | Jalankan verifikasi ke atas mesin jual air dalam tempoh **lima (5) hari** dari tarikh permohonan lengkap. |
| 3 hari | **PKD** | Jalankan pensampelan air. |
| | **Pemohon** | Hantar sampel ke makmal yang diluluskan. |
| | **Pemohon** | Terima keputusan analisis makmal. Kemukakan keputusan analisis makmal ke PKD. |
| 1 hari | **PKD** | Semak kepatuhan keputusan analisis. |
| | **PKD** | Maklum pemohon untuk sediakan fi. |
| | **Pemohon** | Pemohon kemukakan fi ke Ibupejabat BKKM:<br>(i) Fi Proses RM130.00 (Permohonan Baru)<br>(ii) Fi Lesen RM150.00 |
| 3 hari | **PKD** | Lengkapkan Laporan Verifikasi. Kemukakan dokumen permohonan ke Ibupejabat BKKM. Kemukakan salinan dokumen permohonan ke JKN. |




| | | |
|---|---|---|
| 2 hari | **BKKM** | Terima permohonan dari PKD.<br>Semak dokumen. |
| | **Maklum PKD** | |
| 1 hari | **BKKM** | Sediakan dokumen kelulusan lesen.<br>Uruskan Fi Proses dan Fi Lesen. |
| 2 hari | **BKKM** | Kemukakan dokumen untuk kelulusan JK Pelesenan. |
| | **Maklum Pemohon** | |
| 1 hari | **BKKM** | Kemukakan kepada Pengarah untuk tandatangan kelulusan lesen. |
| 1 hari | **BKKM** | Keluarkan lesen kepada pemohon. |
| | | Keluarkan resit. |

## 8. PROSES KERJA

### 8.1 Permohonan Baru dan Pembaharuan

| BIL | TANGGUNGJAWAB | TINDAKAN | DOKUMEN BERKAITAN | TEMPOH MASA |
|---|---|---|---|---|
| **PERINGKAT 1 : PEJABAT KESIHATAN DAERAH** | | | | |
| **A** | **SEMAKAN PERMOHONAN** | | | |
| 1. | Terima dokumen permohonan lesen untuk mengendalikan mesin jual air daripada pemohon. | PTM/PKP/PPTM/PPKP | • Senarai Semak Permohonan (MJA-1/13)<br>• Borang Permohonan (MJA-2/13) | |
| 2. | Daftar permohonan dalam pangkalan data Permohonan Lesen Mesin Jual Air. | PTM/PKP/PPTM/PPKP | | |
| 3. | Buka fail bagi mesin jual air. | PTM/PKP/PPTM/PPKP | Data Lesen Mesin Jual Air | |
| 4. | Lakukan semakan samada dokumen lengkap atau tidak lengkap. | PTM/PKP/PPTM/PPKP | Senarai Semak Kecukupan Dokumen (MJA-3/13) | **1 Hari Bekerja** |
| 5. | Maklum kepada pemohon jika tidak lengkap. | PTM/PKP/PPTM/PPKP | | |
| **B** | **VERIFIKASI MESIN JUAL AIR** | | | |
| 1. | Maklum kepada pemohon cadangan tarikh verifikasi mesin jual air. | PTM/PKP/PPTM/PPKP | Contoh Surat Makluman Verifikasi - Lampiran 1 | |
| 2. | Sediakan keperluan untuk menjalankan verifikasi. | PTM/PKP/PPTM/PPKP | | |
| 3. | Jalankan verifikasi ke atas mesin jual air dan dokumen yang berkaitan. | PTM/PKP/PPTM/PPKP | Borang Verifikasi Mesin Jual Air (MJA-5/13 | **5 Hari Bekerja** |
| 4. | Keluarkan *'corrective action* | PTM/PKP/PPTM/PPKP | | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | *request*' (CAR) sekiranya terdapat ketidakpatuhan yang dikenalpasti secara bertulis semasa verifikasi. | | | |
| 5. | Maklum pemohon untuk memberi maklumbalas CAR(s) dalam tempoh 14 hari dari tarikh CAR(s) dikeluarkan. | PTM/PKP/PPTM/PPKP | Borang Permintaan Tindakan Pembetulan (MJA-6/13) | |
| 6. | Semak maklumbalas CAR.<br><br>6.1 Sekiranya maklumbalas yang dikemukakan tidak memuaskan, jalankan verifikasi susulan.<br><br>6.2 Maklum pemohon untuk verifikasi susulan melalui emel atau surat rasmi.<br><br>6.3 Jalankan verifikasi susulan ke atas perkara yang tidak memuaskan.<br><br>6.4 Tutup CAR jika memuaskan. | PTM/PKP/PPTM/PPKP | | |
| 7. | Permohonan akan terbatal dengan sendirinya sekiranya tiada maklumbalas/ tindakan pembetulan yang dikemukakan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh CAR(s) dikeluarkan dan pemohon hendaklah mengemukakan permohonan baru. | | | |
| **C** | **PENSAMPELAN** | | | |
| 1. | (i) Jalankan pensampelan pada hari sama verifikasi premis dijalankan sekiranya tiada CAR; atau<br>(ii) Jalankan pensampelan dalam **3 hari bekerja** setelah CAR dipatuhi. | PTM/PKP/PPTM/PPKP | Kit Pensampelan | **3 Hari Bekerja** |
| 2. | Maklum kepada pemohon | PTM/PKP/PPTM/PPKP | | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | untuk menghantar sampel kepada makmal Jabatan Kimia Malaysia dan Agensi Nuklear Malaysia. | | | |
| 3. | Maklum kepada pemohon untuk menghantar **satu (1)** Salinan Asal Sijil Analisis keputusan analisis sampel air selepas keputusan analisis diterima daripada pihak makmal. | PTM/PKP/PPTM/PPKP | | |
| 4. | Semak status kepatuhan keputusan analisis berdasarkan Jadual Kedua Puluh Lima (Lampiran 3).<br>Cop SEMAK dan tandatangan pada setiap helaian Sijil Analisis. | PTM/PKP/PPTM/PPKP | | |
| 5. | Sekiranya keputusan mematuhi, maklum Pemohon untuk sediakan Fi Proses RM130.00 (Permohonan Baru sahaja) dan Fi Lesen RM150.00 secara berasingan menggunakan Bank Draf/Wang Pos/ Kiriman Wang atas nama **Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia** dan dihantar ke Ibu Pejabat BKKM, KKM. | PTM/PKP/PPTM/PPKP | | |
| 6. | Sekiranya keputusan tidak mematuhi, maklum kepada pemohon untuk jalankan siasatan serta membuat tindakan pembetulan. | PTM/PKP/PPTM/PPKP | | |
| 7. | Beri tempoh 14 hari kepada pemohon untuk memberi maklumbalas hasil siasatan dan tindakan pembetulan yang telah diambil. | PTM/PKP/PPTM/PPKP | | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 8. | Jalankan pensampelan semula dalam tempoh tiga (3) hari dari tarikh laporan siasatan oleh pemohon diterima. | PTM/PKP/PPTM/PPKP | | |
| **D** | **LAPORAN VERIFIKASI MESIN JUAL AIR** | | | |
| 1. | Sediakan laporan akhir verifikasi mesin jual air selepas :<br>2.1 Semua CAR ditutup<br>2.2 Keputusan analisis pensampelan diterima dan mematuhi Jadual ke-25 | PTM/PKP/PPTM/PPKP | Laporan Verifikasi Mesin Jual Air -7/13 | **3 Hari Bekerja** |
| 2. | Dapatkan tandatangan Pegawai Kesihatan Daerah. | Pegawai Kesihatan Daerah/ PTM/PKP/PPTM/PPKP | | |
| 3. | Hantar dokumen permohonan dan laporan verifikasi ke Ibu Pejabat, BKKM, KKM dan satu salinan ke JKN. | PTM/PKP/PPTM/PPKP | Senarai Semak Laporan Verifikasi Mesin Jual Air- 4/13 | |
| **PERINGKAT 2 : IBU PEJABAT, BKKM, KKM** | | | | |
| **A** | **SEMAKAN DOKUMEN** | | | |
| 1. | Terima dokumen permohonan lesen daripada PKD/JKN. | PTM | Senarai Semak Laporan Verifikasi Mesin Jual Air- 4/13 | |
| 2. | Daftar permohonan dalam pangkalan data Permohonan Lesen Mesin Jual Air. | PTM | | |
| 3. | Buka fail bagi mesin jual air. | PTM | | |
| 4. | Lakukan semakan samada dokumen lengkap atau tidak lengkap. | PTM | | **2 Hari Bekerja** |
| 5. | Jika tidak lengkap, maklum kepada PKD/JKN. | PTM | | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 6. | Uruskan Fi Proses dan Fi Lesen. | PT Kewangan | | **1 Hari Bekerja** |
| **B** | **PENYEDIAAN DOKUMEN KELULUSAN** | | | |
| 1.<br><br>2. | Lengkapkan Laporan Verifikasi Mesin Jual Air.<br><br>Sediakan dokumen untuk kelulusan lesen | PTM<br><br>PTM | Laporan Verifikasi Mesin Jual Air-7/13<br><br>i. Surat Iringan Dokumen Kelulusan – Lampiran 2<br><br>ii. Surat Iringan Lesen – Lampiran 3 | **1 Hari Bekerja** |
| **C** | **KELULUSAN JK PELESENAN** | | | |
| 1. | Kemukakan dokumen kelulusan lesen untuk semakan Jawatankuasa Pelesenan Untuk Mengendalikan Mesin Jual Air. | PTM | Laporan Verifikasi Mesin Jual Air -7/13<br><br>Surat Iringan Dokumen Kelulusan-Lampiran 2 | **2 Hari Bekerja** |
| **D** | **KELULUSAN PENGARAH** | | | |
| 1. | Kemukakan dokumen kelulusan lesen untuk kelulusan Pengarah. | PTM | Surat Iringan Lesen – Lampiran 3<br><br>Sijil Lesen – Lampiran 4 | **1 Hari Bekerja** |
| **E** | **SERAHAN LESEN DAN RESIT** | | | |
| 1.<br><br>2. | Serah lesen kepada pemohon.<br><br>Serah salinan resit pembayaran Fi Proses dan Fi Lesen kepada pemohon. | PT<br><br>PT Kewangan | <br><br>Resit Rasmi | **1 Hari Bekerja** |

## 8.2 Tindakan Penggantungan dan Pembatalan Lesen

| BIL | TANGGUNGJAWAB | TINDAKAN | DOKUMEN BERKAITAN | TEMPOH MASA |
|---|---|---|---|---|
| **PERINGKAT 1 : PKD DAN JKN** | | | | |
| **MAKLUMAN PERLANGGARAN SYARAT-SYARAT PEMEGANG LESEN** | | | | |
| 1. | Keluarkan surat makluman/ notis pelanggaran kepada pemohon. Beri tempoh yang bersesuaian kepada pemohon untuk mengambil tindakan. | PTM/PKP/PPTM/PPKP | | **1 Hari Bekerja** |
| 2. | Maklum JKN dengan kadar serta-merta (1 hari) sekiranya terdapat perlanggaran syarat-syarat lesen oleh pemegang lesen (salinan kepada BKKM). Maklumat awal yang diperlukan adalah mengikut format *Food Alert.* | Pegawai Kesihatan Daerah/ PTM/PKP/PPTM/PPKP | Syarat-Syarat Pemegang Lesen – Lampiran 5 | **1 Hari Bekerja** |
| 3. | Jalankan siasatan dan kemukakan laporan siasatan awal kepada JKN dan salinan kepada Ibu Pejabat, BKKM dalam tempoh satu (1) hari. | PTM/PKP/PPTM/PPKP | | **1 Hari Bekerja** |
| 4. | Kemukakan laporan akhir kepada JKN dan salinan kepada Ibu Pejabat, BKKM dalam tempoh 13 hari bekerja. Laporan tersebut perlu disertakan bersama butiran justifikasi penggantungan dan maklumat lengkap perlanggaran<br>(Cth: Laporan verifikasi premis, laporan pemantauan, laporan operasi dll.) | PTM/PKP/PPTM/PPKP | | **13 Hari Bekerja** |
| **PERINGKAT 2 : IBU PEJABAT, BKKM, KKM** | | | | |
| **KELULUSAN TINDAKAN PENGGANTUNGAN DAN PEMBATALAN LESEN** | | | | |
| 1. | Semak laporan perlanggaran dari JKN. | PTM/PKP | | **1 Hari Bekerja** |
| 2. | Sediakan surat penggantungan untuk semakan JK Pelesenan. | PTM/PKP | | |
| 3. | Jika JK Pelesenan sokong | PTM/PKP | | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | untuk penggantungan atau pembatalan, sediakan surat penggantungan atau pembatalan untuk semakan dan keputusan Pengarah. | | | |
| 4. | Tandatangan surat penggantungan/ pembatalan. | Pengarah (TKPK(KA)) | | **Bergantung kepada Pengarah** |
| 5. | Edarkan surat penggantungan/ pembatalan/ penarikan balik penggantungan kepada pemegang lesen dan salinan kepada JKN dan PKD. | PTM/PKP | | **1 Hari Bekerja** |
| **PERINGKAT 3 : JKN/PKD** | | | | |
| **PEMANTAUAN SELEPAS ARAHAN TINDAKAN PENGGANTUNGAN/ PEMBATALAN LESEN** | | | | |
| 1. | Jalankan pemantauan ke atas pematuhan pelesenan mesin jual air terhadap arahan penggantungan/ pembatalan supaya tiada operasi dijalankan dalam tempoh penggantungan tersebut. | PTM/PKP/PPTM/PPKP | | **1 Hari Bekerja (serta merta)** |
| 2. | Jalankan prosedur penguatkuasaan ke atas mesin jual air yang melanggar arahan penggantungan mengikut SOP penguatkuasaan semasa. | PTM/PKP/PPTM/PPKP | | |
| 3. | Jalankan pemantauan semula untuk memastikan samada pemegang lesen telah mengambil tindakan sewajarnya ke atas perlanggaran. | PTM/PKP/PPTM/PPKP | | |
| 4. | Buat pengesahan ke atas semua tindakan yang telah diambil oleh pemegang lesen. | PTM/PKP/PPTM/PPKP | | |
| 5. | Berikan cadangan pembatalan lesen kepada JKN sekiranya tiada sebarang tindakan diambil oleh pemegang lesen dalam tempoh penggantungan atau tindakan yang diambil | PTM/PKP/PPTM/PPKP | | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | tidak dapat menjamin keselamatan dan kualiti air yang dikeluarkan. | | | |
| 6. | Berikan cadangan penarikan semula penggantungan lesen kepada JKN sekiranya tahap keselamatan produk akhir telah dapat disahkan. | | | |

## 9. SENARAI BORANG/LAMPIRAN

| Bil. | Perkara | Kod Borang/ Lampiran |
|---|---|---|
| i) | Senarai Semak Permohonan (Pemohon) | MJA-1/13 |
| ii) | Borang Permohonan Lesen Untuk Mengendalikan Mesin Jual Air | MJA-2/13 |
| iii) | Senarai Semak Kecukupan Dokumen | MJA-3/13 |
| iv) | Senarai Semak Laporan Verifikasi Mesin Jual Air | MJA-4/13 |
| v) | Borang Verifikasi Mesin Jual Air | MJA-5/13 |
| vi) | Borang Permintaan Tindakan Pembetulan | MJA-6/13 |
| vii) | Laporan Akhir Verifikasi Mesin Jual Air | MJA-7/13 |
| viii) | Contoh Surat Makluman Verifikasi Mesin Jual Air | Lampiran 1 |
| ix) | Contoh Format Surat Iringan Dokumen Kelulusan | Lampiran 2 |
| x) | Contoh Format Surat Iringan Lesen | Lampiran 3 |
| xi) | Contoh Sijil Lesen | Lampiran 4 |
| xii) | Syarat-syarat Pemegang Lesen | Lampiran 5 |

**BORANG KKM-MJA-1/2013**

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**
***(MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA)***

**Senarai Semak Permohonan Lesen Untuk Mengendalikan Mesin Jual Air**
*(Untuk diisi oleh pemohon)*

1 Nama Pemohon

2 Jenis Permohonan ☐ Baru ☐ Pembaharuan

3 Tarikh hantar permohonan

Sila tandakan (√) di petak berkenaan bagi setiap butiran yang berkaitan.

i Borang Permohonan Lesen Untuk Mengendalikan Mesin Jual Air MJA-2/13 ☐

ii Salinan kad pengenalan pemohon ☐

iii Salinan lesen atau kelulusan daripada PBT/ surat pengesahan daripada mana-mana agensi yang berkaitan ☐

iv Salinan sijil pendaftaran perniagaan (SSM) ☐

v Manual Sistem Kawalan Keselamatan Mesin Jual Air ☐

Nama penghantar dokumen : ……………………………………………………………………………

Tarikh : ……………………………

Cop syarikat :

***Nota :**

1 Fi proses (RM130.00- permohonan baru sahaja) dan fi lesen (RM150.00) perlu dikemukakan terus oleh pemohon ke Ibupejabat BKKM setelah Laporan Verifikasi oleh PKD menyokong kelulusan lesen. Sila lampirkan maklumat lokasi mesin jual air bersama fi tersebut.

2 Syarikat perlu mengemukakan laporan analisis kualiti air bagi produk akhir ke PKD setelah verifikasi dijalankan oleh PKD berkenaan. Pensampelan akan dijalankan oleh pegawai di PKD.

**BORANG KKM-MJA-2/13**

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**
***(MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA)***

**BORANG PERMOHONAN LESEN UNTUK MENGENDALIKAN MESIN JUAL AIR**
***(WATER VENDING MACHINE LICENSING APPLICATION FORM)***

Sila isi atau tanda (√) di petak berkenaan bagi setiap butiran yang berkaitan.
*(Please fill or tick (√) where applicable)*

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Jenis Permohonan: *(Type of Application)* | Permohonan Baru *(New Application)* ☐ | Pembaharuan *(Renewal)* ☐ | Kemaskini *(Update)* ☐ | |
| Jenis Pemilikan : *(Type of Ownership)* | Persendirian *(Individual/ Sole Proprietorship)* ☐ | Perkongsian *(Partnership)* ☐ | Syarikat *(Corporation/ Limited Liability Partnership)* ☐ | Untuk kegunaan pejabat *(For Office Use)* |

**A. Maklumat Pemohon (*Particulars of applicant*)**

| No. | Butiran | Isian | Untuk kegunaan pejabat |
|---|---|---|---|
| 1 | Nama Pemohon *(Name of Applicant)* | | ☐ |
| 2 | No. Kad Pengenalan *(I/C No.)* | ______ - ____ - ______ | ☐ |
| 3 | No. Pasport* *(Passport No.*)* | | ☐ |
| 4 | Alamat Pemohon *(Address of applicant)* | | ☐ |
| 5 | No. Telefon Bimbit *(Handphone No.)* | ___ - _______ | ☐ |
| 6 | Alamat e-mel *(e-mail address)* | | ☐ |

**B. Maklumat Perniagaan (*Business Particulars*)**

| No. | Butiran | Isian | Untuk kegunaan pejabat |
|---|---|---|---|
| 7 | Nama Syarikat *(Name of company )* | | ☐ |
| 8 | Alamat Syarikat *(Company Address)* | | ☐ |
| 9 | No. Telefon Pejabat *(Office Tel. No.)* | | ☐ |
| 10 | No. Fax *(Fax No.)* | | ☐ |
| 11 | No. Pendaftaran Syarikat *(Bussiness Registration No.)* | | ☐ |
| 12 | No. Lesen PBT (jika ada) *[Local Authority License No.(if available)]* | | ☐ |

**C. MAKLUMAT MESIN JUAL AIR**

| No. | Butiran | Isian | Untuk kegunaan pejabat |
|---|---|---|---|
| 13 | Alamat Lokasi Mesin Jual Air *(Installation Address)* | | ☐ |
| 14 | Nama Syarikat Pengeluar / Pengimport *(Manufacturer / Importer)* | | ☐ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 15 | Alamat Pengeluar / Pengimport *(Manufacturer / Importer Address)* | | ☐ |
| 16 | Nama Syarikat Yang Membekalkan Air *(Water Supplier)* | | ☐ |
| 17 | Jenis Rawatan Air : *(Type of Water Treatment)* | Penapisan *(Filtration)* ☐ Penyulingan *(Distillation)* ☐<br>Osmosis Songsang *(Reverse Osmosis)* ☐ Pengionan *(Ionization)* ☐<br>Penyahjangkitan *(Disinfection)* ☐ Lain-lain (sila nyatakan) *(Others- please specify)* ☐ ____________ | ☐ |
| 18 | Jenama *(Brand)* | | ☐ |

Pengakuan Pemohon *(Applicant's declaration)* ☐

Saya, *(I)* ……………………………………………………………………………………………………..
(Nama pemohon/ *Name of applicant*)

Jawatan *(Designation)* : ……………………………………………………………………………………….

dengan ini mengaku bahawa kesemua maklumat yang diberikan di atas adalah benar.
*(hereby, declare that all the above information disclosed is true.)*

Tarikh *(Date)* :

……………………………………………………..
(Tandatangan Pemohon/ *Applicant's signature*)

(Cop Syarikat/ *Company's seal*)

**Untuk Kegunaan Pejabat** ***(For Office Use)***

1 Tarikh terima permohonan: ____________

2 Fi Proses (permohonan baru sahaja) : ____________
(Nombor Bank Draf / Kiriman Wang / Wang Pos)

3 Fi lesen : ____________
(Nombor Bank Draf / Kiriman Wang / Wang Pos)

3 Tarikh fi diterima: ____________

**BORANG KKM-MJA-3/13**

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**
***(MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA)***

**Senarai Semak Kecukupan Dokumen**
**Permohonan Lesen Untuk Mengendalikan Mesin Jual Air**
*(Untuk diisi oleh PKD/JKN/Ibupejabat BKKM)*

Nama Pemohon ☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐

Jenis Permohonan — Permohonan Baru *(New Application)* ☐ Pembaharuan *(Renewal)* ☐

Tarikh Terima Permohonan ☐☐☐☐☐☐☐☐

Alamat Lokasi Mesin Jual Air ☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐

| Bil. | Perkara | Kecukupan | | Catatan/ rujukan dokumen/ mukasurat |
|---|---|---|---|---|
| | | Ya | Tidak | |
| 1 | Borang Permohonan MJA-1/13 | | | |
| 2 | Borang Senarai Semak Permohonan MJA-2/13 | | | |
| 3 | Salinan kad pengenalan pemohon | | | |
| 4 | Salinan lesen PBT *(yang terkini dan jika berkenaan)* | | | |
| 5 | Salinan lesen perniagaan (SSM) | | | |
| 6 | Manual Sistem Kawalan Keselamatan Mesin Jual Air | | | |
| | **PROFIL SYARIKAT DAN POLISI PENGURUSAN KESELAMATAN MAKANAN**<br>i) Profil Syarikat<br>ii) Carta Organisasi Syarikat<br>iii) Polisi Pengurusan Keselamatan Makanan<br>iv) Carta alir proses rawatan air<br>v) Deskripsi produk akhir | | | |
| | **LOKASI DAN REKABENTUK**<br>i) Pelan Lokasi Syarikat<br>ii) Pelan Lokasi Mesin Jual Air<br>iii) Rekabentuk Dalaman Mesin Jual Air<br>**PERALATAN DAN PERKAKASAN**<br>i) Pembersihan dan sanitasi<br>ii) Penyelenggaraan<br>**KAWALAN OPERASI**<br>i) Kawalan keselamatan dan kualiti produk akhir<br>ii) Kawalan Proses Rawatan Air | | | |

**Status Permohonan**

Tarikh Proses Permohonan : ☐☐☐☐☐☐☐☐

Status : Lengkap ☐ Tidak lengkap ☐

<table>
<tr><td colspan="2">Disediakan oleh:</td><td>Disemak oleh:</td></tr>
<tr><td>Tandatangan<br>Nama dan Cop<br>Jawatan<br><br>Tarikh</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td colspan="3">Untuk Kegunaan Ibupejabat BKKM</td></tr>
<tr><td colspan="3">Tarikh Terima Permohonan : ☐☐☐☐☐☐☐☐<br><br>Status : Lengkap ☐ Tidak lengkap ☐<br><br>Ulasan :</td></tr>
<tr><td colspan="2">Disemak oleh:</td><td>Disahkan oleh:</td></tr>
<tr><td>Tandatangan<br>Nama dan Cop<br>Jawatan<br><br>Tarikh</td><td></td><td></td></tr>
</table>

**BORANG KKM-MJA-4/13**

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**
***(MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA)***

**Senarai Semak Laporan Verifikasi Mesin Jual Air**
*(Untuk diisi oleh PKD)*

1 Nama Pemohon

2 Jenis Permohonan ☐ Baru ☐ Pembaharuan

3 Tarikh Hantar Permohonan Ke Ibupejabat BKKM

4 Alamat lokasi mesin jual air

Sila tandakan (√) di petak berkenaan bagi setiap butiran yang berkaitan.

| | | |
|---|---|---|
| i | Senarai Semak Permohonan MJA-2/13 | ☐ |
| ii | Borang Permohonan MJA-2/13 | ☐ |
| iii | Salinan kad pengenalan pemohon | ☐ |
| iv | Salinan lesen atau kelulusan daripada PBT/ surat pengesahan daripada mana-mana agensi yang berkaitan | ☐ |
| v | Salinan sijil pendaftaran perniagaan (SSM) | ☐ |
| vi | Manual Sistem Kawalan Keselamatan Mesin Jual Air | ☐ |
| vii | Borang Verifikasi Mesin Jual Air MJA-5/13 | ☐ |
| viii | Borang Tindakan Pembetulan MJA-6/13 | ☐ |
| x | Laporan keputusan analisis | ☐ |
| xi | Laporan akhir verifikasi mesin jual air MJA-7/13 | ☐ |

| Disediakan oleh: | | Disemak oleh: |
|---|---|---|
| Tandatangan<br><br>Nama dan Cop Jawatan<br><br>Tarikh | | |

**BORANG KKM-MJA-5/13**

**BORANG VERIFIKASI MESIN JUAL AIR**
**BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN**
**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

| **MAKLUMAT PERMOHONAN MESIN JUAL AIR** | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Nama Pemilik | : | 10 | Nama syarikat bekalan air | : |
| 2 | Alamat Pemilik | : | 11 | Jenis rawatan air | : ☐ Penurasan ☐ Pengionan ☐ Osmosis berbalik ☐ Penyulingan ☐ Penyahjangkitan (pengozonan,UV dll.) ☐ Lain-lain (sila nyatakan) : ………………………………………….. |
| 3 | No.telefon | : | | | |
| 4 | No. fax | : | | | |
| 5 | Alamat Lokasi Mesin Jual Air | : | | | |
| 6 | Nama pengeluar / pengimport | : | 12 | Jenama | : |
| 7 | Alamat pengeluar / pengimport | : | 13 | Jenis permohonan | : ☐ Baru ☐ Pembaharuan |
| 8 | No.telefon | : | | | |
| 9 | No. fax | : | | | |

| BIL. | PERKARA | PEMATUHAN | | CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| | | YA | TIDAK | |
| **A** | **PELABELAN PADA MESIN JUAL AIR** | | | |
| 1 | Nama pemilik | | | |
| 2 | Alamat berdaftar | | | |
| 3 | No. lesen KKM (sekiranya telah mendapat kelulusan) | | | |
| 4 | No. telefon pemilik/ pengedar | | | |
| 5 | Tidak boleh menyatakan sebarang tuntutan kesihatan. | | | |
| **B** | **LOKASI** | | | |
| 1 | Mempunyai kebenaran bertulis daripada agensi yang berkaitan untuk pemasangan di lokasi berkenaan (contohnya kebenaran daripada PBT). | | | |
| 2 | Lokasi mesin ditempatkan adalah sesuai dan terlindung. | | | |
| 3 | Lantai dimana mesin dipasang adalah rata, tidak telap air dan mudah dicuci. | | | |
| 4 | Jarak dari dinding adalah sesuai bagi mengelakkan risiko makhluk perosak. | | | |
| **C** | **REKABENTUK** | | | |
| 1 | Semua bahagian yang merangkumi permukaan luar dan dalam diperbuat daripada bahan yang sesuai dan mudah dibersihkan. | | | |
| 2 | Mempunyai muncung pendispens yang tahan karat, senang dibersihkan dan tidak mudah mengumpul kotoran. | | | |
| 3 | Mempunyai peranti yang berfungsi untuk mengendalikan titisan, tumpahan atau limpahan air. | | | |
| 4 | Mempunyai peranti pencegahan aliran balik (*backflow*) bagi semua sambungan dengan bekalan air. | | | |
| 5 | Mempunyai sistem penyahjangkitan melalui proses pengozonan atau kaedah-kaedah lain. | | | |
| 6 | Mempunyai pintu tutup sendiri, berfungsi dengan baik dan dalam keadaan yang bersih. | | | |
| 7 | Mempunyai peranti pemantau yang i) berfungsi untuk menghentikan operasi apabila unit penyahjangkitan gagal berfungsi, atau ii) boleh dimonitor setiap hari ketika dibuka / boleh ditutup secara manual apabila unit penyahjangkitan gagal berfungsi | | | |
| **D** | **KEBERSIHAN DAN SANITASI** | | | |
| 1 | Mesin perlu sentiasa berada dalam keadaan yang bersih. | | | |
| 2 | Mempunyai prosedur bagi pencucian peralatan / perkakasan dalaman mesin. | | | |
| 3 | Jadual bagi pencucian mesin dikuti seperti ditetapkan dan rekod dikemaskini | | | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **E** | **PENYELENGGARAAN** | | | |
| 1 | Mempunyai prosedur bagi penyelengaraan peralatan lain di dalam mesin. | | | |
| 2 | Jadual bagi penyelenggaraan mesin dikuti seperti ditetapkan dan rekod dikemaskini | | | |
| **F** | **KAWALAN OPERASI** | | | |
| 1 | Mempunyai prosedur dan jadual untuk pensampelan pemantauan sendiri. | | | |
| 2 | Kekerapan persampelan dijalankan seperti dijadualkan (verifikasi dijalankan semasa pemantauan KKM) | | | |
| 3 | Mempunyai rekod untuk keputusan analisa pemantauan sendiri (verifikasi dijalankan semasa pemantauan KKM) | | | |
| 4 | Keputusan analisa keselamatan dan kualiti air mematuhi Standard Bagi Air Minuman Berbungkus dan Air Dari Mesin Jual Air (Jadual ke 25, Peraturan-Peraturan Makanan, 1985)-diisi setelah keputusan analisa daripada makmal diluluskan diperolehi. | | | |

| | |
|---|---|
| Ulasan / Cadangan : | |
| Tandatangan pegawai verifikasi | : |
| Nama dan cop | : |
| Tarikh | : |

## Borang Permintaan Tindakan Pembetulan / *Corrective Action Request (CAR)*

*Borang ini perlu diisi jika terdapat ketidakpatuhan dan perlu dikemukakan sesalinan kepada syarikat semasa audit lapangan bagi tujuan tindakan pembetulan.*

| | |
|---|---|
| **Nama Pemunya** | |
| **Alamat syarikat** | |
| **Alamat Lokasi Mesin Jual Air** | |
| **No. Tel/ Fax:** | **Bil. CAR:** |
| **Tarikh Kemuka CAR:** | **Tarikh Tutup Maklumbalas CAR:** |
| **Ketidakpatuhan:** | |
| ………………………………………………….<br>**Tandatangan Wakil Syarikat** | ………………………………………………….<br>**Tandatangan Wakil Jabatan**<br><br>**Nama/ Cop Jawatan:** |
| **Tindakan Pembetulan:** | |
| ………………………………………………….<br>**Tandatangan Wakil Syarikat** | **Tarikh:** |
| **ULASAN JABATAN** (*Diisi selepas menerima maklumbalas tindakan pembetulan dari syarikat*) | |
| | |
| **Tarikh Tutup CAR:** | ………………………………………………….<br><br>**Tandatangan Wakil Jabatan**<br><br>**Nama/ Cop Jawatan:** |

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**
***MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA***

**LAPORAN AKHIR VERIFIKASI MESIN JUAL AIR**
*(Untuk diisi oleh PKD/JKN/Ibupejabat BKKM)*

Tarikh Terima Permohonan :
Tarikh Verifikasi :

| **BAHAGIAN I** | |
|---|---|
| **A. Maklumat Permohonan** | |
| Jenis Permohonan | ☐ Permohonan baru ☐ Pembaharuan |
| **B. Maklumat Pemohon** | |
| Nama | |
| Alamat syarikat | |
| Alamat lokasi mesin jual air | |
| **C. Sumber Bekalan Air** | |
| Sumber Bekalan Air (Perbadanan Air Negeri/ Syarikat Air Negeri) | |
| **D. Manual Sistem Kawalan Keselamatan Mesin Jual Air** *(Sila lampirkan bersama Senarai Semak Kecukupan Dokumen–Appendix 3).* | |
| Ulasan : | |

| **E. Verifikasi Mesin Jual Air** | |
|---|---|
| Tarikh surat makluman pemeriksaan | |
| Tarikh pemeriksaan | |
| Senarai Pegawai | |

| **Senarai Ketidakpatuhan** | | |
|---|---|---|
| Bil. | Perkara | Tarikh Tutup Ketidakpatuhan |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |

Ulasan :

| **F. Keputusan Analisis Makmal** | |
|---|---|
| **Analisis Mikrobiologi** | |
| Tarikh pensampelan | |
| Tarikh sampel dihantar | |
| Tarikh keputusan dikeluarkan | |
| Tarikh keputusan diterima | |
| No. rujukan makmal | |
| Ulasan pematuhan keputusan | Persampelan Mikrobiologi ***Mematuhi / Tidak Mematuhi*** Jadual Kedua Puluh Lima Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan 1985.<br>Jika Tidak Mematuhi, sila nyatakan: |

| **Analisis Kimia** | |
|---|---|
| Tarikh pensampelan | |
| Tarikh sampel dihantar | |
| Tarikh keputusan dikeluarkan | |
| Tarikh keputusan diterima | |
| No. rujukan makmal | |
| Ulasan pematuhan keputusan | Pensampelan Kimia ***Mematuhi / Tidak Mematuhi*** Jadual Kedua Puluh Lima Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan 1985.<br>Jika Tidak Mematuhi, sila nyatakan: |
| **Analisis Radioaktif** | |
| Tarikh pensampelan | |
| Tarikh sampel dihantar | |
| Tarikh keputusan dikeluarkan | |
| Tarikh keputusan diterima | |
| No. rujukan makmal | |
| Ulasan pematuhan keputusan | Pensampelan Radioaktif ***Mematuhi / Tidak Mematuhi*** Jadual Kedua Puluh Lima Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan 1985.<br>Jika Tidak Mematuhi, sila nyatakan: |
| **G. Ulasan PKD/JKN** | |
| Tarikh laporan akhir dihantar ke Ibupejabat BKKM | |
| No. rujukan surat | |

| | |
|---|---|
| Ulasan :<br><br>☐ Disokong ☐ Tidak disokong | |
| **Disediakan Oleh:** | **Disahkan Oleh:** |
| Tandatangan: | Tandatangan: |
| Cop Nama dan Jawatan: | Cop Nama dan Jawatan: |
| Tarikh: | Tarikh: |

| | | |
|---|---|---|
| **BAHAGIAN II** | | |
| **Ulasan Kelulusan Lesen** *(Untuk diisi oleh Ibu Pejabat, BKKM, KKM)* | | |
| Tarikh terima permohonan | | |
| Tarikh dokumen lengkap | | |
| Tarikh surat iringan TKPK (KA) | | |
| Maklumat Fi Proses | Tarikh terima | No. siri (wang pos/bank draf) |
| | | |
| Maklumat Fi Lesen | Tarikh terima | No. siri (wang pos/bank draf) |
| | | |
| Ulasan : | | |

<table>
<tr><th colspan="2">Dokumen Lesen</th></tr>
<tr><td>Tarikh kemuka dokumen lesen kepada TKPK (KA)</td><td></td></tr>
<tr><td>No. rujukan surat kelulusan lesen</td><td></td></tr>
<tr><td>No. lesen</td><td></td></tr>
<tr><td>Disediakan dan diproses setelah mematuhi syarat yang telah ditetapkan.</td><td>Disemak dan diperakukan untuk diberi kelulusan dan mematuhi semua syarat yang ditetapkan.</td></tr>
<tr><td>Tandatangan:<br><br>Cop Nama dan Jawatan:<br><br><br>Tarikh:</td><td>Tandatangan:<br><br>Cop Nama dan Jawatan:<br><br><br>Tarikh:</td></tr>
<tr><td colspan="2">Adalah diperakukan bahawa mesin jual air yang dinyatakan di atas telah diperiksa dan mematuhi Standard Air Minuman Berbungkus Dan Air Dari Mesin Jual Air di bawah Jadual Ke Dua Puluh Lima, Peraturan 360C(3), Peraturan-Peraturan Makanan 1985.<br><br>Tandatangan:<br><br>Cop Nama dan Jawatan:<br><br><br>Tarikh:</td></tr>
</table>

Lampiran 1

**Contoh Surat Makluman Verifikasi Mesin Jual Air kepada Pemohon**

---

Ruj : ………………
Tarikh : ………………

Pengurus,
Syarikat Mesin Jual Air ABC,
Lot 9000, Jalan LMN,
Kajang, Selangor.

Tuan,

**VERIFIKASI MESIN JUAL AIR BAGI PERMOHONAN LESEN UNTUK MENGENDALIKAN MESIN JUAL AIR SYARIKAT MESIN JUAL AIR ABC**

Dengan hormatnya merujuk perkara di atas dan surat/ borang permohonan tuan, no. rujukan xxx bertarikh xxx.

2. Adalah dimaklumkan bahawa, satu verifikasi akan dijalankan ke atas mesin jual air milik tuan seperti butiran berikut:

| | |
|---|---|
| Tarikh | : dd/mm/yy |
| Masa | : 9.00 pagi |
| Alamat Lokasi Mesin Jual Air | : Hadapan Kedai Pak Saman<br>No.xx, Jalan hhhh,<br>Kajang, Selangor |
| Senarai Pegawai | : 1.<br>2. |

3. Objektif utama pemeriksaan ini adalah untuk menjalankan verifikasi ke atas sistem kawalan keselamatan bagi mesin jual air tersebut bagi tujuan pelesenan. Sehubungan itu, mohon kerjasama pihak tuan untuk memberikan kerjasama sepenuhnya semasa pemeriksaan dijalankan. Bagi sebarang pertanyaan, sila hubungi xxx di talian 03-55555555 atau emel di xxx@moh.gov.my. Kerjasama pihak tuan berhubung perkara ini amat kami hargai.

Sekian. Terima Kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

……………………………
**(XXXXXXXXXXXXXXX)**

CONTOH

Lampiran 2

Ruj. Kami : (      ) dlm.KKM-163/I/209
Tarikh :

**YBhg. Datuk Dr. Lokman Hakim bin Sulaiman**
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

YBhg. Datuk,

**PERMOHONAN KELULUSAN LESEN UNTUK MENGENDALIKAN MESIN JUAL AIR DI BAWAH PERATURAN 360C PERATURAN-PERATURAN MAKANAN 1985**

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dikemukakan surat dan sijil lesen untuk mengendalikan mesin jual air syarikat **ALL ROP TECHNOLOGY SDN. BHD.** untuk kelulusan dan tandatangan YBhg. Datuk. Senarai semak dan dokumen permohonan daripada pihak syarikat dilampirkan untuk rujukan pihak YBhg. Datuk.

Sekian, terima kasih.

**( SHAMSINAR BINTI ABDUL TALIB )**
**b.p Pengarah Kanan Keselamatan dan Kualiti Makanan**
**Kementerian Kesihatan Malaysia**

Lampiran 3

( )dlm.KKM-163/I/209

Ogos 2013

Pengarah Urusan
All Rop Technology Sdn. Bhd.
Lot 49, Jalan Temenggung 9/9,
Bandar Mahkota Cheras,
43200 Cheras,
SELANGOR

Tuan,

**LESEN UNTUK MENGENDALIKAN MESIN JUAL AIR**

Saya dengan segala hormatnya diarah merujuk perkara di atas.

**2.** Bersama-sama ini disertakan satu lesen No. Kelulusan **KKM- xxxxxx/2013** di bawah Jadual Ketiga Puluh, Peraturan-Peraturan Makanan (Pindaan) 2009 yang membenarkan tuan mengendalikan mesin jual air di lokasi beralamat **Lot 10, Jalan Bidara 1, Taman Bidara, 68100 Batu Caves, Selangor**.

3. Sebagai pemegang lesen **tuan adalah tertakluk kepada syarat-syarat** pemegang lesen (Lampiran A) yang boleh dikenakan di bawah subperaturan 360C(4) Peraturan-Peraturan Makanan (Pindaan) 1985. Sekiranya tuan melanggar mana-mana syarat di Lampiran A, tindakan penggantungan dan pembatalan lesen boleh dikenakan ke atas syarikat tuan.

4. Adalah dimaklumkan tempoh sah lesen adalah selama **dua (2) tahun** dari tarikh lesen dikeluarkan. Tuan dinasihatkan untuk memohon pembaharuan lesen dalam tempoh dua (2) bulan sebelum tarikh tamat tempoh sahlaku lesen.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**( DATUK DR. LOKMAN HAKIM BIN SULAIMAN )**
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k: Pengarah Kanan Keselamatan dan Kualiti Makanan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri
(Keselamatan & Kualiti Makanan)
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Lampiran 4

**JADUAL KETIGA PULUH**
**( Subperaturan 360C (4) )**

**AKTA MAKANAN 1983**
**PERATURAN-PERATURAN MAKANAN 1985**

No. Lesen: **…………………….**

**LESEN UNTUK MENGENDALIKAN MESIN JUAL AIR**

Lesen dengan ini diberi kepada …………………………………………………
yang memiliki mesin jual air dengan No. Siri ………………………….yang terletak
di………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………
………..

Lesen ini tertakluk kepada syarat yang boleh dikenakan menurut subperaturan 360C (6) dan sah sehingga ……………………………………………………………..

Tarikh: ...............................

**Pengarah**
**Kementerian Kesihatan Malaysia**

## SYARAT-SYARAT PEMEGANG LESEN UNTUK MENGENDALIKAN MESIN JUAL AIR

1. Pelesen hendaklah sentiasa memastikan kesemua peruntukan dalam Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan di bawahnya dipatuhi.

2. Pelesen hendaklah membenarkan Pegawai Berkuasa dari Kementerian Kesihatan Malaysia mengambil sampel air dari mesin jual air bagi tujuan analisa pada bila-bila masa yang yang difikirkan perlu.

3. Pelesen hendaklah sentiasa mempamerkan pelekat lesen yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada setiap mesin jual air yang telah diluluskan.

4. Mesin jual air yang telah mempunyai lesen hendaklah dilabelkan dengan nama pemilik, alamat syarikat dan alamat syarikat dan alamat lokasi mesin jual air serta Nombor kelulusan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

5. Pelesen tidak dibenarkan mengendalikan mesin jual air menggunakan selain daripada sumber air awam yang telah diluluskan semasa permohonan kelulusan lesen.

6. Pelesen hendaklah melaporkan ke Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan tentang sebarang perubahan kepada mesin jual air :

   a. Perubahan pemilik mesin jual air
   b. Perubahan lokasi
   c. Perubahan sistem rawatan air yang digunakan

7. Permohonan pembaharuan lesen perlu dibuat sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari sebelum tamat tempoh sah laku lesen

8. Pelesen perlu melaksanakan pemantauan sendiri ke atas air dari mesin jual air sekurang-kurangnya satu (1) kali sebulan yang merangkumi parameter fizikal iaitu warna, bau dan rasa.

9. Pelesen perlu menjalankan tindakan pembetulan sekiranya terdapat sebarang risiko pencemaran hasil dari pemantauan sendiri yang dijalankan.

10. Pelesen perlu mematuhi sebarang syarat yang ditetapkan secara bertulis oleh Pengarah dari semasa ke semasa.

## 10. RUJUKAN

| | |
|---|---|
| i) | Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985, Malaysia. |
| ii) | Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 |
| iii) | Prosedur Kerja Penguatkuasaan |
| iv) | Akta Syarikat 1965 (Disemak 1973) – Akta 125 |
| v) | Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (Disemak 1978) – Akta 19 |
| vi) | Akta Kontrak 1950 (Revised 1974) – Akta 136 |

## PENGHARGAAN

Bahagian Keselamatan Dan Kualiti Makanan (BKKM) ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penyediaan garispanduan ini.

**Penaung**
Pn. Noraini bt Dato' Mohd Othman

**Penasihat**
En. Mohd Salim bin Dulatti

**Ketua Editor**
En. Muhammad Muhayudeen bin Musa

**Ahli**
Pn. Noraisyah bt Ali
Pn. Afaf Ruhi bt Abdul Fattah
En. Mohd Shahrulnizam bin Mah Hassan

**Turut Menyumbang:**

Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM
Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia
Jabatan Kimia Malaysia
Agensi Nuklear Malaysia
Pn. Faiza bt Ismail
Pn. Hanani bt Abdul Hadi
JKN Perlis
JKN Kedah
JKN Pulau Pinang
JKN Perak
JKN Selangor
JKN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
JKN Pahang
JKN Johor
JKN Negeri Sembilan
JKN Melaka
JKN Terengganu
JKN Kelantan
JKN Sabah
JKN Sarawak
JKN Wilayah Persekutuan Labuan